

ANAK PERGI BERSAMA SENGSAARA

Harian Metro

16/3/2017

m/s 6

Kanak-kanak tiga tahun mangsa dera hembus nafas terakhir di hospital

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
dan Norizuan Shamsudin
am@hmetro.com.my

Rania dihantar ibunya berusia 22 tahun yang bekerja di sebuah pasar raya ke rumah pengasuh di Apartmen Impian Baiduri, Seksyen 15A, di sini, jam 1 petang kelmarin.

Bagaimanapun, pengasuh menghubungi ibu mangsa dan memaklumkan kanak-kanak itu muntah dan lemah sejam kemudian.

Dalam dua jam, si ibu mengambil anaknya yang sudah tidak sedarkan diri dan terus ke PPUM untuk rawatan. Namun, Rania meninggal sejam kemudian.

Ibu saudara kanak-kanak berkenaan yang hanya mahu dikenali sebagai Nazira, 30, ketika ditemui di Unit Forensik PPUM semalam melahirkan rasa sedih dan terkejut dengan kejadian itu.

"Kali terakhir saya bertemu Rania bulan lalu dan adik ipar meminta saya menjaganya selama sehari," katanya.

Pada waktu itu, menurutnya, tiada tanda kesan penderaan atau lebam, malah Rania seperti biasa saja, aktif dan nakal seperti kanak-kanak se-

Petaling Jaya

Tiada kata-kata yang dapat menggambarkan kesengsaraan dan kesakitan dialami Rania Ixuna, 3, apabila seluruh badannya lebam dipercayai dihentak dengan objek keras dan kemaluannya juga koyak.

Kanak-kanak comel, aktif dan bijak itu menghembuskan nafas terakhirnya di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) jam 5.40 petang kelmarin, kira-kira empat jam selepas dihantar ibunya dalam keadaan lemah.

Sangat menyedihkan apabila kematian kanak-kanak terbabit berlaku pada hari penutup Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak - Hentikan!! yang berbilang selama dua hari bagi mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak.



»Kes dera dilaporkan
sejak 5 tahun lalu

24 November 2015

■ Seorang ibu membuat laporan polis selepas percaya dua daripada tiga anaknya, termasuk seorang bayi didera selepas menemui kesan parut akibat dicucuh dengan puntung rokok pada badan mereka dalam kejadian di Bekenu, Miri, Sarawak.

19 Jun 2013

■ Seorang bayi lelaki berusia setahun cedera di muka dan kedua-dua paha dipercayai didera pengasuh di sebuah TASKA

15 April 2010


■ Seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun mati disyaki didera bapa tirinya dengan lebih 30 kesan lebam dan cedera ditemui di badan serta kepala mangsa.

25 Mac 2008

■ Seorang bayi perempuan berusia setahun meninggal dunia akibat didera ibu bapa kandung-nya di FELDA Bukit Goh, Kuantan, Pahang.

RANIA maut
dipercayai
didera.

NIA
sama
bapanya.



“

Semalam, apabila berjumpa dengan adik ipar saya di hospital, dia beritahu ada terlihat kesan lebam pada badan anaknya hujung minggu lalu, tetapi dia tidak mengesyaki apa-apa. Dia kata mungkin disebabkan Rania terjatuh ketika bermain kerana dia memang sangat aktif”

Nazira

usianya.

“Semalam, apabila berjumpa adik ipar saya di hospital, dia beritahu ada terlihat kesan lebam pada badan anaknya hujung minggu lalu, tetapi dia tidak mengesyaki apa-apa.

“Dia kata mungkin disebabkan Rania terjatuh ketika bermain kerana dia sangat aktif,” katanya.

Nazira berkata, kali terakhir Rania dibawa pulang ke kampung mereka di Bachok, Kelantan, untuk berjumpa datuk dan nenek, April tahun lalu.

“Adik lelaki saya memaklumkan kepada keluarga bahawa dia dan ibu Rania berkahwin tiga tahun lalu di kampung halaman wanita itu.

“Bagaimanapun, adik saya tidak banyak bercerita mengenai rumah tang-

ganya kerana dia pendiam,” katanya.

Sebagai ibu saudara, Nazira sukar menerima kenyataan yang menimpa anak saudaranya, apa lagi apabila diberitahu ada kesan koyak pada kemaluan.

“Kami serahkan kepada polis untuk siasatan lanjut,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Mohd Zani Che Din ketika dihubungi mengesahkan kejadian terbabit.

Hasil siasatan awal polis mendapati pasangan berkenaan tidak pernah berkahwin, malah Rania bukan anak lelaki berkenaan, sebaliknya anak daripada hubungan si ibu dengan lelaki lain.

Mohd Zani berkata, bedah siasat mendapati kanak-kanak berkenaan mengalami kecederaan parah di perut akibat hentaman objek tumpul dan ada kesan koyak pada kemaluan.

Susulan kejadian, polis menahan empat individu berusia 20-an terdiri daripada si ibu, teman lelakinya dan pasangan suami isteri pengasuh.

Tiga daripada mereka direman tujuh hari untuk siasatan lanjut kecuali pengasuh yang direman tiga hari.

“Siasatan lanjut dilakukan bagi mengenal-pasti individu yang terbabit mendera mangsa. Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan,” katanya.



ANGGOTA keluarga dan saudara menunggu keputusan bedah siasat Rania.



PM usul rang undang-undang baru

Mangsa penderaan, khususnya kanak-kanak sukar melupakan episod hitam menimpa mereka kerana kes sedemikian tidak mendapat pembelaan sewajarnya.

Beberapa kes penderaan dilaporkan, malah ada yang menyebabkan kanak-kanak meninggal dunia akibat perlakuan kejam individu tidak berperikemanusiaan.

Kekejaman terhadap kanak-kanak ini termasuk penderaan secara seksual menyebabkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak akan mengusulkan Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017.

Undang-undang baru itu bagi menangani kesalahan jenayah seksual kanak-kanak secara holistik dan komprehensif. Ia akan dibentangkan pada sesi persidangan Dewan Rakyat kali ini.

Selain itu, kerajaan juga berancang mewujudkan Mahkamah Jenayah Khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual melibatkan mangsa kanak-kanak dengan fungsinya berbeza daripada Mahkamah Kanak-Kanak sedia ada.